

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YBHG. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN  
ABDUL AZIZ  
[ RAUB ]**

**TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)**

**YBhg. Dato' Mohd Ariff Sabri Bin Abdul Aziz [ RAUB ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semasa menyenaraikan FGV, berapakan wang yang diperolehi oleh FELDA dan bagaimana hasil apungan diagihkan; yakni berapa jumlah dan kepada siapa.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perolehan kasar yang diterima oleh FELDA hasil daripada penyenaian Felda Global Ventures Holdings Berhad pada Jun 2012 adalah berjumlah RM5.99 billion.

Sebanyak RM1.69 billion telah diperuntukkan untuk bayaran duriun runtuh kepada peneroka manakala baki sebanyak RM4.30 billion telah diperuntukkan bagi kategori-kategori seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>RM Juta</b>
1.	Perbelanjaan Berkaitan Penyenaian	1,157.33
2.	Pinjaman Pembesaran Rumah Peneroka	400.00
3.	Perbelanjaan Penebusan Saham	408.19
4.	Perbelanjaan Pengurusan	903.92
5.	Pelaburan Jangka Panjang	1,439.46
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		<b>4,308.90</b>

Sekian, terima kasih.